



IBU PEJABAT
JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA
ARAS 5, BLOK D3, KOMPLEKS D,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62530 PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN
MALAYSIA

Tel: 03 - 8886 5000
Telefax: 03 - 88892360
Telekerja: 03 - 8888 9111
E-mail: jtksm@mohr.gov.my

Ruj: JTKSM/APS/02/03/
Tarikh:

Tuan,

Permohonan Lesen Untuk Menjalankan Agensi Pekerjaan Di Bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981

Merujuk kepada permohonan tuan bertarikh mengenai perkara tersebut di atas. Bersama-sama ini disertakan 1 set Borang Permohonan untuk tindakan tuan selanjutnya.

2. Sila lengkapkan borang-borang tersebut dan dibuat didalam 3 salinan dan kemukakan kepada Jabatan Tenaga Kerja yang berdekatan dimana agensi akan beroperasi bersama dengan salinan dokumen-dokumen berikut:

- I. **Penubuhan sebagai Syarikat Sdn. Bhd atau Berhad.** Memorandum and Article of Association (termasuk annual return form, Borang 24 dan 49 yang perlu disahkan oleh Pendaftar Syarikat Malaysia terlebih dahulu). M & AA tersebut hendaklah mengandungi satu resolusi yang telah dibuat oleh Lembaga Pengarah menyatakan syarikat tersebut akan juga menjalankan urusan agensi pekerjaan.
- II. Satu salinan Kad Pengenalan dan bukti kewarganegaraan (sama ada Sijil Kewarganegaraan atau Surat Akuan Beranak) bagi setiap pemohon, pegawai yang akan bertanggungjawab, kesemua Lembaga Pengarah dan penjamin-penjamin agensi.
- III. Surat Akuan (Testimonial) daripada orang kenamaan/professional yang mengenali pemohon dan setiap Ahli Lembaga Pengarah dan pegawai-pegawai yang akan bertanggungjawab ke atas urusan agensi yang dicadangkan adalah mereka yang mempunyai rekod baik, tidak pernah disabitkan dengan kesalahan jenayah dan berkemampuan serta berkebolehan menjalankan urusan agensi pekerjaan swasta mengikut peruntukan-peruntukan di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981.
- IV. Surat daripada Jabatan Insolvensi Malaysia (Bahagian Kebangkrapan) mengesahkan setiap pemohon dan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab, Ahli Lembaga Pengarah dan penjamin-penjamin bukan orang-orang bankrap yang belum dilepaskan.
- V. Kertas projek yang menerangkan bagaimana urusan perniagaan agensi akan dijalankan meliputi keterangan-keterangan mengenai:
 - a) Jenis-jenis pekerjaan yang didaftarkan
 - b) Pencari-pencari kerja dari kawasan mana yang akan didaftarkan

(Sila catatkan nombor rujukan surat ini apabila berhubung dengan jabatan ini

- c) Jenis majikan dan dari kawasan mana yang akan dibekalkan dengan pekerja
- d) Jenis dan kadar bayaran yang akan dikenakan kepada majikan mahupun pekerja
- e) Anggaran perbelanjaan dan pendapatan (*cash flow*) untuk 6 bulan pertama
- f) Bukti modal untuk menjalankan agensi:

- I. Syarikat Berhad atau Sdn. Bhd. – modal berbayar
- II. RM 50,000.00
- III. Sila kemukakan penyata bank terkini, bukti-bukti modal yang lain seperti ASB, ASN atau pegangan saham syarikat-syarikat lain.

(vi) Bagi permohonan membuka cawangan, sila kemukakan dokumen-dokumen seperti permohonan untuk lesen baru termasuk bukti penambahan modal sebanyak RM 50,000.00 lagi hendaklah disertakan bersama.

VI. Cadangan tempat premis urusan agensi akan dijalankan:

Salinan perjanjian sewaan pejabat untuk tempoh sekurang-kurangnya 1 tahun hanya perlu dikemukakan selepas kelulusan bersyarat diberikan oleh Jabatan Tenaga Kerja. Perjanjian sewaan pejabat mestilah dibuat atas nama agensi pekerjaan.

VII. Lain-lain keterangan yang difikirkan perlu untuk menyokong permohonan tuan.

3. Tuan juga adalah diingatkan bahawa salinan-salinan dokumen yang dikemukakan hendaklah disahkan betul terlebih dahulu oleh Pesuruhjaya Sumpah/Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan/Jaksa Pendamai. Bersama-sama ini disertakan senarai semakan untuk rujukan dan kegunaan tuan sebelum mengemukakan Borang Permohonan. Hanya permohonan yang lengkap sahaja akan diproses untuk kelulusan.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

b/p: Ketua Pengarah Tenaga Kerja
Semenanjung Malaysia

Imej/Logo/Covering